

## PEKELILING PENTADBIRAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

### PEKELILING PENTADBIRAN BIL.3 TAHUN 2020

#### PERUBAHAN KAEDAH OPERASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG BAGI TUJUAN KAWALAN COVID-19

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Bertindak Bencana Universiti yang dipengerusikan oleh Naib Canselor pada 16 Mac 2020 telah bersetuju dan memutuskan untuk Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengubah kaedah operasinya dalam usaha untuk mengawal kes COVID-19.

Perubahan kaedah operasi ini melibatkan kedua-dua Kampus UMP Pekan dan Gambang berkuat kuasa serta merta (16 Mac 2020) sehingga 12 April 2020.

Sepanjang tempoh ini, warga UMP adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

#### **Aktiviti Staf Pentadbiran dan Akademik**

- i. Semua staf dikehendaki melaksanakan kerja dari rumah (*work from home*) kecuali staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan kepentingan universiti seperti keselamatan, kesihatan atau staf yang diarahkan bertugas pada waktu berkaitan oleh ketua jabatan hendaklah bertugas seperti yang diarahkan.

#### **Aktiviti Akademik**

- ii. Mengendalikan kesemua sesi pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian kepada semua pelajar. Segala aktiviti bersemuka (*face-to-face*) seperti kuliah, makmal dan penyelidikan akan dihentikan serta merta dan akan diselaraskan semula ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

#### **Aktiviti Warga Kampus**

- iii. Sebarang penganjuran dan penyertaan bagi aktiviti perhimpunan ramai (*mass gathering*) di dalam dan di luar kampus adalah tidak dibenarkan.

#### **Urusan Pihak Luar**

- iv. Sebarang urusan yang melibatkan pihak luar ditangguhkan serta merta sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

#### **Pengecualian**

- v. Mana-mana permohonan untuk pengecualian hendaklah mendapat kebenaran dan kelulusan Naib Canselor.

**Pematuhan Pekeliling**

- vi. Warga kampus hendaklah sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pekeling dalam berkaitan COVID-19.
- vii. Pekeling pentadbiran COVID-19 UMP ini adalah wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Mana-mana pihak yang gagal mematuhi pekeling akan dikenakan tindakan.

Semua maklumat rasmi berkaitan perkara ini hanya akan dikeluarkan oleh Pejabat Naib Canselor sebagai pejabat penyelaras yang bertanggungjawab. Adalah diharapkan agar semua pihak dapat memberikan kerjasama yang baik dalam memastikan kawalan COVID-19 ini dapat dilakukan dengan baik di peringkat Universiti Malaysia Pahang.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Memasyarakatkan Teknologi”*

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABD RAHMAN BIN HJ SAFIE)**

Pro-Pendaftar / Pro-Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 16 Mac 2020

**Salinan kepada :**

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan  
Ketua Pustakawan  
Penasihat Undang-Undang  
Semua Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan